

Fokus ke mana hasil tambahan semakan cukai akan dibelanjakan



Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Felo Berselaku Kanan, Institut Dasar Ekonomi Dan Kewangan (Ecofi), Universiti Utara Malaysia

Sama ada di bilik mesyuarat ahli korporat sehingga di warung kopi seluruh pelosok Malaysia, perbincangan berkenaan keputusan kerajaan untuk menyemak semula dan meluaskan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) hangat diperbincangkan.

Sebenarnya, pada ketika dan saat ini, perbincangan sistem cukai mana yang lebih baik, sama ada SST ataupun Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) untuk ekonomi Malaysia adalah perdebatan sah.

Fokus sepatutnya di arah kepada ke mana hasil tambahan daripada semakan semula kadar Cukai Jualan (CJ) dan peluasan skop Cukai Perkhidmatan (CP) ini akan digunakan.

Keadaan ekonomi global dan ekonomi Malaysia pada 2025 tidak sama dengan 2015 ketika GST dilaksanakan. Apa yang penting adalah perubahan dalam model cukai digunakan dan pelaksanaannya supaya menjadi lebih progresif.

Maknanya, golongan tertentu golongan masih memerlukan bantuan kerajaan seperti dikecualikan ataupun kadar bayaran cukainya dapat dikurangkan.

Cukai itu pasti. Tidak ada parti ataupun ahli politik di Malaysia menyuarakan atau dihapuskan dan rakyat tidak perlu bayar cukai jika menang pilihan raya. Apabila GST dihapuskan dahulu pun, penggantinya adalah SST.

Apabila GST diperkenalkan, SST dihapuskan. Adalah salah jika kita melihat cukai ini sebagai usaha kerajaan untuk 'mencuri' hasil pendapatan titik peluh kita sendiri.

Dalam keadaan ekonomi pada ketika ini, berbanding misalnya dua atau tiga abad lalu, kehidupan kita memang memerlukan sokongan sektor awam.

Daripada sistem kesihatan, pendidikan, pekerjaan, keselamatan, keadilan, undang-undang, sehingga kewangan, infrastruktur, perniagaan, penyelidikan, peranan kerajaan sa-

ngat penting.

Cabaran ekonomi baharu

Apatah lagi dalam menghadapi cabaran ekonomi baharu, seperti krisis dan perubahan iklim, revolusi teknologi serta masyarakat menua, kerajaan perlu mencari hasil daripada sumber pelbagai untuk mengurus cabaran baharu ini.

Persoalan asas di sini adalah adakah benar rakyat secara keseluruhannya tidak suka membayar cukai?

Cuba kita lihat contoh di negara Scandinavia seperti Denmark, Sweden atau Finland. Negara ini terkenal dengan kadar cukai mereka antara tertinggi dunia.

Adakah penduduk di Denmark, Sweden ataupun Finland merungut kerana membayar cukai tinggi berbanding penduduk lain di dunia. Apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Setiap tahun, jika kita mengikuti secara lebih dekat dalam Laporan Kebahagiaan Dunia, negara inilah sentiasa berada pada kedudukan teratas senarai masyarakat paling bahagia dalam dunia.

Dalam Laporan Kebahagiaan Dunia 2024 misalnya, Finland adalah negara paling bahagia di dunia. Jadi, adakah kita boleh katakan masyarakat Denmark, Sweden dan Finland suka membayar cukai dan berasa sangat bahagia kerana membayar cukai dengan kadar tinggi?

Jawapan sebenar adalah bagaimana kerajaan di

Denmark, Sweden dan Finland membelanjakan hasil diterima daripada pungutan cukai itu. Inilah antara rahsia kepada kebahagiaan mereka.

Rakyat mereka menikmati sistem kesihatan yang baik, sistem pendidikan hebat, infrastruktur seperti jalan raya baik, gaji bermaruah, sistem pensen antara terbaik di dunia dan bermacam-macam lagi untuk kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat mereka.

Dalam erti kata lain, *higher taxes, higher rewards*. Jika kita lihat dari perspektif peniaga pula, adakah betul peniaga dan pelabur tidak suka membayar cukai.

Kalau betul, kenapa tidak semua peniaga di dunia pergi sahaja berniaga di negara mempunyai regim cukai mengenakan kadar rendah seperti Paraguay?

Sekali lagi, *low taxes, low rewards*. Peniaga melihat pelbagai faktor lain, seperti infrastruktur dan kemudahan disediakan untuk memudahkan perniagaan mereka dapat diberikan kerajaan mengenakan kadar cukai tidak terlalu rendah.

Jika kita lihat dari perspektif kerajaan pula, adakah kerajaan menaikkan dan meluaskan skop cukainya menandakan kerajaan itu sudah tidak ada wang dan berada di ambang muflis? Jawapannya tidak.

Sekali lagi, negara maju seperti Singapura pada sesuatu ketika tertentu melakukan semakan semula terhadap kadar cukai mereka. Realitinya, pengurusan kewangan awam tidak sama dengan pengurusan kewangan peribadi.

Pengurusan kewangan peribadi jauh lebih kompleks dan membabitkan pelbagai dimensi jika dibandingkan dengan pengurusan kewangan peribadi. Konsepnya juga mempunyai pemahaman yang berbeza.

Misalnya, pendapatan kita sebenarnya adalah perbelanjaan bagi kerajaan, manakala perbelanjaan kerajaan adalah pendapatan bagi kita.

Maka, perubahan sistem cukai, penyemakan ataupun peluasan skop cukai perlu dilihat dalam konteks lebih luas menjangkau hanya untuk menambah kantung kerajaan semata-mata.

Ketika ini, komunikasi adalah kritikal. Pemahaman semua pihak berkenaan percukaian dan peranannya dalam ekonomi sangat penting.

Dalam hal ini, literasi ekonomi masyarakat perlu ditingkatkan supaya pelaksanaan reformasi struktur ekonomi pada masa hadapan dapat dilaksanakan tanpa ada pihak cuba mempolitikkan isu ekonomi untuk kepentingan peribadi.

“Perubahan sistem cukai, penyemakan ataupun peluasan skop cukai perlu dilihat dalam konteks lebih luas menjangkau hanya untuk menambah kantung kerajaan semata-mata”

